

## **Penerimaan Pengundi Melayu Terhadap Kepelbagaian Parti Politik Di Kawasan DUN Pekan Nanas, Tanjong Piai, Johor**

*Reception of Malay Voters Against Political Party Diversity in State Legislative Assembly  
Constituency of Pekan Nanas, Tanjong Piai, Johor*

Hishamudin Jamiludin  
<sup>1</sup>Junaidi Awang Besar

Program Geografi  
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: <sup>1</sup>jab@ukm.edu.my

### **ABSTRAK**

*Pertambahan parti politik yang berlaku dalam arena politik Malaysia terutama sekali sekitar antara tahun 2008 sehingga tahun 2018 jelas telah merancakkan lagi perebutan kerusi Parlimen dan DUN dalam pilihan raya umum untuk meneraju kepimpinan negara dan negeri. Isu pemimpin politik lompat parti juga merancakkan lagi suasana dalam arena politik Malaysia. Perubahan ini sememangnya mempunyai banyak kebaikan antaranya akan muncul ramai muka baru dalam sistem kepimpinan negara dan banyak hak rakyat yang akan diperjuangkan. Antara faktor yang mendorong terjadinya pertambahan parti politik adalah hilangnya persefahaman dalam kalangan pemimpin dalam parti politik, keinginan rakyat untuk memacu perubahan dalam sistem pemerintahan negara serta beberapa isu sensitif yang melibatkan nama besar dalam pentadbiran kerajaan. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan kertas kerja ini untuk menganalisis penerimaan pengundi Melayu terhadap kepelbagaian parti politik di kawasan DUN Pekan Nanas, Tanjong Piai, Johor. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik di lapangan dan rujukan sumber sekunder untuk menyokong hasil kajian lapangan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden memilih rumah sendiri sebagai tempat untuk mereka berbincang berkaitan politik. Berikutnya majoriti responden memilih parti yang memiliki trek rekod yang baik sebagai kriteria parti politik yang mereka sokong. Responden yang bersetuju bahawa mereka akan tetap menyokong parti politik asal yang disokong sejak lama walaupun terjadi pertambahan parti kerana mereka setia dengan parti yang mereka sokong. Responden yang tidak bersetuju dengan pertambahan parti politik kerana kewujudan pelbagai parti politik boleh memecahbelahkan perpaduan masyarakat dan boleh mencetuskan pergaduhan. Justeru, hasil kajian ini diharap dapat dijadikan panduan dan rujukan untuk parti politik untuk menambah baik perkhidmatan dan strategi mahupun matlamat mereka untuk memperoleh sokongan pengundi seterusnya dapat memperkayakan data dan maklumat kajian berkaitan geografi politik dari semasa ke semasa.*

**Kata Kunci:** *Parti politik, pilihan raya umum, pemimpin politik, isu, geografi politik*

## ABSTRACT

*The increase in political parties in the Malaysian political arena, especially between 2008 and 2018, has clearly intensified the fight for Parliament and DUN seats in the general election to lead the country and state leadership. The issue of political leaders jumping parties has also intensified the atmosphere in the Malaysian political arena. This change has many benefits, among which there will be many new faces in the country's leadership system and many people's rights will be fought for. Among the factors that drive the increase in political parties are the lack of understanding among leaders in political parties, the people's desire to drive change in the country's system of government as well as some sensitive issues involving big names in government administration. Thus, it is the purpose of writing this paper is to analyze reception Malay voters against a diversity of political party in the state constituency of Pekan Nanas, Tanjong Piai, Johor. This study uses field questionnaire method and secondary source reference to support the results of the field study. The findings of the study showed that the majority of respondents chose their own home as a place for them to discuss politics. Next the majority of respondents chose a party that has a good track record as the criterion of the political party they support. Respondents who agreed that they would continue to support the original political party they had supported for a long time despite the increase in parties because they were loyal to the party they supported. Respondents who disagreed with the proliferation of political parties due to the existence of various political parties could split the unity of the society and could provoke fights. Thus, the results of this study are expected to be used as a guide and reference for political parties to improve services and strategies as well as their goals to gain the support of voters in turn can enrich data and research information related to political geography from time to time.*

**Keywords:** *Political parties, general elections, political leaders, issues, political geography*

## 1. Pengenalan

Pada ketika ini, terdapat banyak isu yang berbangkit berkaitan politik di dunia. Negara Malaysia juga tidak terkecuali daripada isu ini. Secara dasarnya, politik ialah ilmu berkaitan kaedah dan seni mengurus sesuatu perkara dlm kehidupan manusia. Ciri-ciri politik ialah melibatkan isu pentadbiran, mempunyai aktor politik iaitu ahli politik dan rakyat biasa yang terlibat dalam proses politik. Contohnya, menjadi ahli parti dan mengundi. Politik digerakkan dengan penubuhan institusi yang memperjuangkan hak atau pandangan tersendiri yang dikenali sebagai parti politik.

Politik dilihat sebagai satu unit yang mampu membawa kepada perpaduan dan kesatuan dalam kehidupan bermasyarakat. Di Malaysia, politik dijalankan secara demokrasi berperlembagaan dimana rakyat berkuasa penuh dalam memilih ketua atau wakil rakyat dengan cara pengundian. Proses ini yang juga dikenali sebagai pilihan raya umum akan diadakan setiap lima tahun sekali bagi memilih kerajaan. Proses pilihan raya ini akan dilaksanakan dengan memenuhi beberapa proses seperti penamaan calon, berkempen dan pengundian. Parti atau

perikatan yang memenangi majoriti kerusi parlimen akan diberi hak untuk menubuhkan kerajaan yang akan mentadbir negara selama sepeinggal.

Di Malaysia, terdapat banyak parti politik yang ditubuhkan sejak dari pilihan raya umum yang pertama sejak sekarang. Kini, terdapat banyak parti politik di Malaysia seperti Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Parti Keadilan Rakyat (PKR), Persatuan Cina Malaysia (MCA), Kongres India Malaysia (MIC), Parti Tindakan Demokratik (DAP), Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), Parti Amanah Negara (AMANAH) dan beberapa gabungan parti kecil yang membentuk perikatan seperti di Sabah.

Kepelbagaian parti di Malaysia kini dipengaruhi oleh keadaan politik yang tidak stabil dan isu kepercayaan dalam kalangan ahli politik itu sendiri, serta perbezaan perjuangan tokoh politik sehingga kebanyakan parti politik baru ditubuhkan dalam masa yang singkat. Tokoh besar sudah mula membuat haluan sendiri dengan menubuhkan parti baharu dan mengharapkan sokongan daripada pengundi berdasarkan misi dan visi pertubuhan parti yang mereka cipta.

Dengan penambahan parti politik secara drastik ini, pasti akan terjadi pecahan undi yang banyak serta perubahan dalam trend pemilihan wakil rakyat dalam kalangan pengundi. Hal ini juga akan mengubah persepsi dan pandangan pengundi terhadap parti yang bertanding dalam Pilihan Raya Umum. Justeru, adalah menjadi tujuan kajian ini untuk mengkaji penerimaan pengundi Melayu terhadap kepelbagaian parti politik di kawasan DUN Pekan Nanas, Tanjong Piai, Johor bagi menghurai pandangan secara menyeluruh pengundi Melayu terhadap perubahan drastik dalam pentas politik negara Malaysia.

## **2. Tinjauan Literatur**

Bagi kajian lepas geografi politik pilihan raya luar negara, Larcinese (2003) menjelaskan dalam kajiannya yang bertajuk “Political information, elections and public policy” bahawa dalam penyampaian berita, media massa harus mempertimbangkan permintaan informasi daripada pengundi serta nilai komersial kepada calon. Oleh itu, penyediaan maklumat harus lebih meluas dan jelas di kawasan pilihan raya yang kepadatan penduduk lebih tinggi. Kesimpulan ini kemudian diuji dengan hasil yang baik dari data dari Pilihan Raya Umum 1997 di Britain.

Artikel “Political engagement and participation of Thai citizens: The rural-urban disparity” penulisan Stithorn Thananithichot (2012) menjelaskan bahawa kehidupan awam di Thailand berubah secara mendadak setelah warganegara turut serta dan terlibat dalam politik. Perubahan ini telah mempengaruhi corak aktiviti politik dalam aktiviti mengundi dan juga memprotes. Penglibatan ini telah menyebabkan keberkesanan politik dalam kalangan warganegara Thailand sama ada di bandar mahupun luar bandar.

Dalam penulisan Ilona Juulia Kuusi (2015) yang bertajuk “Can Egypt Be Democratized?”, beliau menjelaskan Mesir tidak akan berjaya hidup dalam demokrasi yang stabil. Jelas beliau, walaupun demokrasi nominal ditubuhkan di Mesir pada tahun 1956, negara itu belum pernah mampu mencapai struktur demokrasi yang stabil. Kemelut politik akan berlaku sekiranya langkah demokratik cuba diambil untuk memerintah Mesir. Contohnya, peristiwa pemberontakan pada 2011 diakhiri oleh tentera yang kembali berkuasa di Mesir, menjatuhkan Mesir kembali dalam penguasaan tentera.

Anup Phayal (2016) dalam kajiannya yang berjudul “Mass Fears, Strong Leaders and The Risk Of Renewed Conflict: Three Essays On Post-Conflict Elections” menjelaskan bahawa perubahan sistem pemerintahan sesebuah negara daripada pemerintahan tentera kepada pemilihan pemimpin melalui pilihan raya mampu mengubah sesebuah negara menjadi aman namun memerlukan perancangan yang teliti semasa pra-pilihan raya dan pasca pilihan raya agar keamanan tersebut akan berkekalan.

Suwarso & Reni (2016) dalam penulisannya “Indonesian Democracy: The Impact of Electoral Systems on Political Parties, 1999–2009” menyatakan bahawa amalan, seperti politik wang, pembelian undi dan penyalahgunaan kuasa tetap ada di Indonesia. Suara-suara tokoh yang lebih tua seperti bekas anggota kabinet, pegawai kanan kerajaan dan pegawai tentera yang bersara dapat mempengaruhi pilihan rakyat dalam pilihan raya. Oleh itu, walaupun pilihan raya dan parti politik adalah penentu penting dalam politik Indonesia, namun mereka tidak cukup kuat untuk membangun demokrasi perwakilan Indonesia yang adil dengan wujudnya amalan kotor tersebut.

Conner Troy Greene (2019) menjelaskan persaingan lebih sengit terjadi dalam Pilihan Raya Amerika Syarikat kerana berlakunya penyebaran berita oleh media yang berat sebelah seperti yang dijelaskan dalam kajiannya yang bertajuk “Effects of news media bias and social media algorithms on political polarization”. Beliau menjelaskan peranan media yang menyokong mana-mana parti atau calon yang bertanding mampu mengangkat imej calon yang disokong serta menjatuhkan imej musuh calon tersebut.

Menurut Muhamad Nadzri & Jamaie (2018) dalam kajiannya yang bertajuk “Politik, Pengundi Dan Faktor Melayu/Bumiputera: Analisis Terhadap Kegagalan Barisan Nasional Dalam Pilihan Raya Umum” pula, mereka menjelaskan bahawa pilihan pengundi dipengaruhi faktor etnik. Sebelum ini, pengaruh UMNO atau Barisan Nasional di kawasan majoriti Melayu dan luar bandar menjadi penghalang utama dalam perjalanan pembangkang Malaysia ke kuasa persekutuan. Oleh itu, pada Pilihan Raya Umum (PRU) 2018, pakatan pembangkang baru yang dikenali sebagai Pakatan Harapan (PH) menjalin kerjasama strategik dengan Mahathir dan bekas pemimpin UMNO yang lain untuk menubuhkan dan memperkukuhkan dua parti baru yang berasaskan Melayu; Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) dan Parti Warisan Sabah (WARISAN) dan berjaya memenangi majoriti kerusi parlimen.

Kajian oleh Junaidi (2019) iaitu “Perubahan politik dalam pilihan raya umum (PRU) ke-14, 2018 di Malaysia”, beliau menyatakan bahawa kemenangan Pakatan Harapan (PH) dalam PRU-14 merupakan suatu keputusan yang dilihat sebagai ‘luar biasa’. Hal ini kerana parti pakatan pembangkang tersebut telah berjaya meranapkan penguasaan Barisan Nasional (BN) terhadap Kerajaan Malaysia sejak 63 tahun yang lalu. Hasil kajian mendapati bahawa kemenangan ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti tekad yang tinggi untuk jatuhkan BN, faktor ekonomi/beban/kos sara hidup rakyat, kerosakan imej atau personaliti/peribadi pemimpin dan parti, kesepaduan Pakatan Harapan, peranan media sosial, pengaruh Tun Dr. Mahathir, pengaruh 1.4 juta pengundi baru/muda dan juga faktor perang persepsi. Faktor ini akhirnya membentuk satu gelombang yang akhirnya telah menumbangkan BN dalam PRU-14.

Menurut Junaidi, Ellyanis & Muhammad Hazim (2020) dalam penulisan yang bertajuk “Prestasi dan penerimaan pengundi terhadap Parti Islam Semalaysia (PAS) dalam Pilihan Raya Umum ke-14 Di Wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia” mendapati PAS kurang mendapat sokongan di kawasan Pantai Barat Semenanjung Malaysia kerana pengundi di kawasan tersebut tidak begitu yakin akan kemampuan PAS. PAS juga tidak mendapat sokongan dari

pengundi bukan Islam/bukan Melayu kerana mereka menganggap PAS terlalu ekstrim dalam memperjuangkan Islam dan tidak prihatin tentang keperluan orang bukan Islam/bukan Melayu.

Bagi kajian geografi politik pilihan raya Negeri Johor, Abdul Rahman (1994) mendapati bahawa pengundi Melayu di Johor lebih memihak kepada parti kerajaan manakala pengundi Cina lebih memihak kepada parti pembangkang. Kecenderungan terhadap politik didapati berkait rapat dengan umur, jantina, pendidikan dan pekerjaan. Faktor persekitaran juga didapati mempengaruhi tingkah laku pengundi terutama dalam membuat keputusan pilihan raya. Kajian ini juga mendapati bahawa lebih daripada 50 peratus responden bersikap positif terhadap pilihan raya.

Iskandar Miza (1998) mendapati bahawa terdapat empat isu dominan yang berlaku di Gelang Patah, Johor iaitu isu pampasan, peminggiran kontraktor Melayu dalam pembangunan, nasib nelayan akibat pencemaran dan perbelanjaan wang pampasan. UMNO telah muncul sebagai satu organisasi yang cuba menyelesaikan masalah tersebut. Walaupun UMNO Bahagian dianggap mempunyai kaitan yang rapat dengan kerajaan, namun UMNO telah gagal untuk menyelesaikan keseluruhan isu yang muncul walaupun pelbagai usaha telah dilakukan. Ng (2001) mendapati bahawa keputusan PRU 1999 di DUN Bandar Maharani, Johor adalah ditentukan oleh faktor seperti janji-janji calon atau parti politik dan pengaruh media massa. Keputusan kajian ini memperlihatkan pendekatan pemilihan rasional berjaya menerangkan perlakuan pengundi secara mutlak.

Menurut Mohd Fuad & Junaidi (2012a) dalam artikel yang bertajuk “Pendapat dan Keperluan Generasi Muda Di Kawasan Parlimen Muar, Johor”, keperluan yang diinginkan oleh generasi muda adalah peluang pekerjaan yang lebih banyak berserta gaji yang bersesuaian dengan ekonomi semasa. Keprihatinan pemimpin terhadap rakyat serta mahukan suara mereka tentang politik didengari juga merupakan antara yang diperjuangkan oleh anak muda di Muar. Mereka juga meyakini bahawa BN akan terus meneraju kepimpinan di kawasan mereka sekiranya tiada perubahan yang dilakukan oleh pihak pembangkang.

### **3. Metodologi dan Kawasan Kajian**

Pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan soal selidik, temubual, pemerhatian di lapangan dan rujukan data statistik kaum dan score sheet keputusan PRU-14.

#### **3.1 Kaedah Mengumpul Data Lapangan dan Data Berangka (Data Primer)**

Kaedah soal selidik digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat dan maklum balas daripada responden. Pengkaji telah menggunakan kaedah borang soal selidik bentuk tertutup dan bentuk terbuka dalam kajian ini. Soalan soal selidik bentuk tertutup memfokuskan kepada pilihan jawapan yang berbentuk objektif dan ringkas manakala soalan soal selidik terbuka bergantung kepada pendapat dan cadangan yang dikemukakan oleh responden.

Terdapat 4 bahagian dalam soal selidik ini iaitu Bahagian A merupakan demografi responden, Bahagian B pula ialah sumber maklumat politik, Bahagian C adalah persepsi responden terhadap kriteria pemilihan parti politik di DUN Pekan Nanas manakala Bahagian D pula adalah menilai pengaruh dasar perjuangan parti politik terhadap pilihan politik responden di kawasan kajian. Sebanyak 50 orang responden iaitu pengundi daripada pelbagai kaum dan latar belakang yang berdaftar sebagai pemilih di DUN Pekan Nanas, Tanjong Piai, Johor dipilih untuk

menjawab soalan soal selidik yang disediakan. Data Hasil kajian soal selidik ini dianalisis oleh pengkaji bagi mendapatkan keputusan akhir dan kritikal yang akan menjawab objektif kajian.

Kaedah temu bual terhadap informan pula penting bagi memperoleh maklumat lisan tentang kajian secara informal. Temu bual ini melibatkan lima orang individu iaitu terdiri daripada pengundi yang berjawatan dalam parti politik di kawasan kajian. Kaedah pemerhatian merupakan salah satu teknik penyelidikan yang sering digunakan oleh para pengkaji ketika berada di lapangan. Maka dari itu, pengkaji akan membuat pemerhatian berdasarkan keadaan persekitaran fizikal semula jadi dan buatan manusia, perubahan politik, ekonomi, pembangunan setempat dan penglibatan wakil rakyat di kawasan kajian. Pemerhatian juga dijalankan bagi mengenalpasti tingkah laku pengundi dan budaya politik di kawasan kajian yang mempengaruhi tingkah laku politik responden.

### **3.2 *Kaedah Mengumpul Data Sekunder***

Pengkaji menggunakan bahan rujukan sekunder digunakan bagi mengukuhkan lagi maklumat untuk menghasilkan sesebuah kajian yang lengkap dan mantap. Dalam kaedah pengumpulan data sekunder tersebut, pengkaji menggunakan dua kaedah pengumpulan maklumat dan data. Antaranya adalah kajian kepustakaan dan kajian atas talian atau kajian internet.

Kajian kepustakaan merupakan satu kajian yang dijalankan dengan merujuk bahan bacaan di perpustakaan. Perpustakaan merupakan tempat paling utama untuk pengkaji mendapatkan sesuatu maklumat ataupun data. Pelbagai bentuk bahan rujukan boleh didapatkan di perpustakaan antaranya buku ilmiah, majalah, jurnal, risalah, akhbar, artikel, kertas seminar dan persidangan serta laporan bulanan dan tahunan kerajaan. Perpustakaan yang sering dilawati oleh pengkaji untuk mendapatkan sumber maklumat dan data adalah Perpustakaan Awam Daerah Pontian. Akhbar yang menjadi rujukan pula seperti Utusan Malaysia, Berita Harian, Harian Metro, Harakah dan Suara Keadilan.


### **3.3 *Teknik Menganalisis Data***

Dalam proses menganalisis data, pengkaji akan menggunakan kaedah statistik deskriptif untuk menyusun, mengumpul maklumat dan mempersembahkan data secara grafik Ringkasan data akan dipaparkan dalam bentuk jadual dan carta yang sesuai dengan menggunakan perisian SPSS bagi menjelaskan kekerapan serta peratusan kajian. Kaedah ini akan membantu pengkaji memberi penerangan berdasarkan kajian yang dijalankan dengan mudah dan jelas. Aplikasi SPSS ini mampu menganalisis pelbagai jenis data dan membantu pengkaji menghasilkan satu rumusan data yang ringkas, tepat dan padat dalam masa yang singkat. Hasil analisis data daripada aplikasi ini akan disokong dengan maklumat temubual, data statistik serta maklumat sekunder untuk mengukuhkan dapatan kajian supaya dapat mencapai standard kajian akademik.

## **4.0 *Kawasan Kajian***

Kawasan DUN Pekan Nanas terletak dalam Daerah Pontian dan Parlimen Tanjong Piai dan berkedudukan 43 kilometer dari pusat bandar Johor Bharu, Johor. Terdapat beberapa kemajuan dari segi infrastruktur yang terdapat di Pekan Nanas. Antaranya ialah jalan raya yang baik serta pasar minggu yang menyediakan pelbagai juadah dan kelengkapan seharian yang dijual pada

harga yang berpatutan. DUN Pekan Nanas merangkumi Daerah Mengundi Parit Kudus, Tanjung Ayer Hitam, Ladang Selatan Malaya, Melayu Raya, Kampong Lubok Sawah, Tenggayon, Pengkalan Raja Pontian, Bandar Pekan Nenas Barat, Bandar Pekan Nenas Timur, Bandar Pekan Nenas Tengah dan Bandar Pekan Nenas Selatan (Lihat Rajah 1).



RAJAH 1. Peta kedudukan DUN Pekan Nanas dalam Parlimen Tanjung Piai, Johor

Sumber: Pejabat Daerah Pontian (2021)

Pembangunan Pekan Nanas juga selari dengan arus globalisasi. Terdapat banyak kilang-kilang yang didirikan di Pekan Nenas bagi 'cendawan tumbuh selepas hujan' seperti contoh kilang Shimano, Mastersofa, kilang memproses dan mengetin nanas dan pelbagai lagi. Selain itu, terdapat pelbagai jenis Industri Kecil dan Sederhana (IKS) serta tanaman kontan dan komersial yang ditanam di Pekan Nanas, antaranya ialah nanas, kopi, koko, pisang dan keladi. Di Pekan Nanas juga terdapat pusat pelancongan iaitu air terjun Gunung Pulai yang amat terkenal di Negeri Johor kerana kejernihan dan pemandangan flora dan faunanya yang indah.

Pekan Nanas mempunyai jumlah pengundi berdaftar seramai 26,608 orang. DUN ini pertama kali dipertandingkan pada tahun 2004. DUN Pekan Nanas mengandungi daerah pengundian Parit Kudus, Tanjong Ayer Hitam, Ladang Selatan Malaya, Melayu Raya, Kampong Lubok Sawah, Tenggayon, Pengkalan Raja Pontian, Bandar Pekan Nenas Barat, Bandar Pekan Nenas Timor, Bandar Pekan Nenas Tengah dan Bandar Pekan Nenas Selatan. DUN Pekan Nanas pada awalnya diterajui oleh Dato' Sri Wee Jeck Seng (BN) bermula PRU 2004 diteruskan oleh Tang Nai Soon (BN) pada PRU 2008. Namun, sejak PRU 2013 hingga PRU 2018, Ahli Dewan Undangan Negeri untuk Pekan Nanas adalah Yeo Tung Siong dari Parti Tindakan Demokratik (DAP), yang merupakan sebahagian daripada gabungan Pakatan Harapan (PH).

## 5. Dapatan dan Perbincangan

### 5.1 *Tempat Responden Bersama-Sama Dengan Ahli Keluarga Atau Rakan Bersebang Mengenai Isu Politik Dan Isu Semasa*

Merujuk kepada Jadual 1, majoriti responden memilih rumah sendiri sebagai tempat untuk mereka berbincang berkaitan politik. Seramai 88% responden memilih rumah sendiri sebagai jawapan mereka. Hal ini kerana, suasana politik di kawasan kajian dikatakan kurang stabil dan tidak sesuai untuk diborakkan bersama orang luar.

JADUAL 1. Tempat responden bersama-sama dengan ahli keluarga atau rakan bersebang mengenai isu politik dan isu semasa

Tempat responden bersama-sama dengan ahli keluarga atau rakan bersebang mengenai isu politik dan isu semasa	Peratus Ya (%)
Rumah sendiri	88
Rumah ayah/ibu	12
Restoran	0
Rumah adik-beradik	0
Rumah kawan	0
Kedai kopi	0
Lain-Lain (Starbuck, KFC, McD, Old Town White Coffee dll)	0
Rumah tok sidang	0
Kedai runcit	0
Kedai mamak	0
Pasar basah/kering	0
Balai raya	0
Surau/masjid	0
Ketika kenduri kahwin	0
Tepi atau simpang jalan/parit	0
Dalam kebun	0



Sumber: Soal selidik 2021

Berdasarkan pemerhatian pengkaji pula, kawasan kajian iaitu Pekan Nanas merupakan kawasan yang agak tinggi kes rasis dan pegangan politik yang terlalu kuat dalam kalangan masyarakat mampu menimbulkan pergaduhan besar apabila berbincang mengenai politik. Oleh itu, kebanyakan pihak memilih untuk tidak berborak mengenai politik di kawasan awam. Selain itu, 6 orang (12%) responden memilih rumah ibu bapa sebagai tempat mereka berbincang soal politik kerana ibu bapa mereka lebih menerima pandangan mereka dalam berpolitik berbanding orang luar.

## 5.2 *Kriteria Parti Politik Yang Disokong*

Berdasarkan soal selidik yang dijalankan, seramai 40% responden memilih parti yang memiliki trek rekod yang baik sebagai kriteria parti politik yang mereka sokong (Lihat Jadual 2). Hal ini dikatakan demikian kerana mereka lebih memandang kepada apa khidmat yang telah wakil rakyat atau parti tertentu sumbang kepada kawasan setempat mahupun negara sejak dahulu. Mereka cenderung untuk memilih parti yang tidak banyak menimbulkan isu terutamanya berkaitan perkauman. Seiring dengan hasil kajian Ahmad (2015) dalam penulisannya yang bertajuk “Pilihan Raya Dan Identifikasi Parti Masyarakat Pulau Pinang”, beliau menjelaskan pemilihan yang dilakukan oleh rakyat bergantung kepada identifikasi sesebuah parti atau calon itu sendiri di mata pengundi. Identifikasi parti merujuk kepada perasaan pertalian jangka panjang yang timbul dalam diri pengundi terhadap sesebuah parti politik tertentu berdasarkan sumbangan mahupun janji yang diberikan semasa berkempen.

Seterusnya, seramai 24% responden memilih parti yang mempunyai pemimpin yang berwibawa, berpendidikan tinggi dan bersih sebagai parti yang mereka sokong. Ini disebabkan individu yang mempunyai kewibawaan sudah semestinya mempunyai karisma tersendiri selain kewibawaannya itu sendiri yang akan menekan beliau untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Dengan dibarisi pemimpin yang berwibawa dan berpendidikan tinggi, sesebuah parti dilihat akan mampu memberikan sesuatu yang baharu untuk rakyat. Contohnya, kita dapat lihat langkah ini diambil oleh Tun Mahathir dalam persiapannya menghadapi PRU-14 tempoh hari. Beliau telah menjalinkan kerjasama dengan Parti Keadilan Rakyat yang dibarisi oleh pemimpin yang berwibawa seperti Dato’ Sri Anwar Ibrahim dan YB Azmin Ali. Selain itu, tindakan bijak Tun Mahathir dalam merekrut YB Syed Saddiq yang sudah dikenali di seluruh Malaysia atas pencapaiannya dalam bidang perdebatan peringkat dunia jelas memberi banyak kebaikan kepada Pakatan Harapan. Hal ini telah dibuktikan apabila kerusi Parlimen Muar mampu dimenangi oleh Pakatan Harapan yang diwakili oleh YB Syed Saddiq pada PRU-14 setelah lebih 40 tahun didominasi oleh Barisan Nasional.

JADUAL 2. Kriteria parti politik yang disokong

Bil.	Kriteria parti politik yang disokong	Peratus Ya (%)
1.	Memiliki trek rekod yang baik	40
2.	Mempunyai pemimpin yang berwibawa, berpendidikan tinggi dan bersih	24

3.	Mampu memacu pembangunan setempat dan negara	10
4.	Mesra rakyat	10
5.	Memperjuangkan kebajikan rakyat	10
6.	Memperjuangkan isu kemanusiaan	6
7.	Mempertahankan maruah agama dan bangsa	0
8.	Memperjuangkan isu alam sekitar	0

---

Sumber: Soal selidik 2021

Bagi kriteria parti politik yang mampu memacu pembangunan setempat dan negara, mesra rakyat serta memperjuangkan kebajikan rakyat masing-masing dipilih oleh 5 orang responden (10%). Keadaan Dun Pekan Nanas yang agak kurang membangun menyebabkan terdapat beberapa responden mengharapkan pembangunan yang teratur dan maju dapat dijalankan di kawasan tersebut. Keinginan ini didorong dengan kedudukan Pekan Nanas yang berada di antara kawasan yang sudah membangun pesat iaitu Pontian, Gelang Patah serta Skudai, Johor. Responden juga memilih parti yang memperjuangkan kebajikan rakyat serta mesra rakyat dalam pilihan mereka. Kedua-dua kriteria ini boleh dikaitkan antara satu sama lain. Secara amnya, responden hanya ini keluh kesahnya diambil tahu oleh wakil rakyat mereka. Mereka beranggapan jika wakil rakyat lebih dekat dengan rakyat, wakil rakyat akan lebih memahami apa yang sebenarnya rakyat perlukan.

### **5.3 *Kepelbagaian Parti Politik di Negara Ini Tidak Akan Mengubah Pegangan Politik Atau Sokongan Responden Kepada Parti Politik Asal Yang Disokong Sejak Sekian Lamanya***

Dalam menjawab persoalan ini, responden yang memilih setuju dan tidak setuju masing-masing adalah 34% manakala 32% responden memilih tidak pasti dalam menjawab persoalan ini. Berdasarkan pemerhatian dan hasil soal selidik, responden yang bersetuju bahawa mereka akan tetap menyokong parti politik asal yang disokong sejak lama walaupun terjadi pertambahan parti kerana mereka setia dengan parti yang mereka sokong. Kesetiaan ini jelas tidak dapat dirobohkan terutama dalam kalangan responden yang berusia atas 40 tahun. Selain itu, mereka juga berpendapat sekiranya berlaku kesilapan dalam parti yang mereka sokong, itu adalah lumrah bagi setiap manusia mahupun organisasi. Mereka beranggapan bahawa pertambahan parti hanya akan menambahkan pecah belah dalam arena politik negara. Apa yang perlu dilakukan adalah memperbetulkan apa yang silap dalam parti yang sedia ada.

Tambahan pula, mereka juga menyatakan bahawa sumbangan yang diberikan sejak sekian lama oleh parti yang mereka sokong adalah sumbangan yang besar untuk pembangunan negara selama ini. Jawapan ini dilihat ditujukan kepada parti Barisan Nasional yang telah mentadbir negara lebih 60 tahun. Kepimpinan Barisan Nasional dikatakan bersifat adil dan sesuai untuk negara Malaysia. Mereka berpendapat bahawa parti yang mereka sokong berjaya membawa nama Malaysia ke mata dunia dan disegani oleh negara lain. Jika dibandingkan dengan zaman dahulu, kini Malaysia dilihat sudah semakin membangun dan mampu bersaing terutama dalam kalangan negara-negara ASEAN.

Mereka yang bersetuju ini juga berpendapat bahawa hanya orang yang tidak mengenali identiti dan perjuangan parti sahaja yang akan berpaling tadah dalam sokongan mereka. Jelas mereka lagi, kesemua parti politik yang ada di Malaysia mempunyai visi dan perjuangan masing-

masing. Jika sokongan yang diberikan selama ini berdasarkan perjuangan parti politik tersebut, maka tiada alasan untuk menyokong parti politik yang lain selagi perjuangan parti tidak berubah. Ada segelintir daripada mereka menegaskan bahawa individu yang berpaling tadah adalah pengkhianat politik negara. Ada antara mereka juga berpendapat bahawa parti baharu yang ditubuhkan tidak mempunyai tujuan dan perjuangan yang jelas. Misalnya, parti Pejuang yang diketuai oleh Tun Mahathir dikatakan seperti perjuangan individu untuk mengembalikan semula kuasa yang hilang dalam pergelutan politik negara. Ada yang berpendapat bahawa Tun Mahathir hanya menggunakan namanya dan kepercayaan rakyat terhadapnya untuk kepentingan individu.

Seterusnya, terdapat 34 peratus responden memilih tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Responden yang tidak bersetuju menyatakan bahawa pertambahan parti politik semestinya berlaku atas sebab yang munasabah. Mereka menjelaskan bahawa jika perjuangan parti yang sekian lama mereka sokong dilihat semakin berubah, tidak salah untuk mereka menyokong parti lain yang perjuangannya sama dengan mereka. Mereka juga berpendapat ada pemimpin politik yang salah guna kuasa kerana dilihat terlalu selesa dalam kedudukannya. Hal ini mengakibatkan perjuangan mereka sudah tidak sama dengan perjuangan parti dan mereka akan lebih cenderung untuk tidak fokus kepada rakyat. Justeru, parti baharu yang muncul mungkin akan menekan mereka untuk berkhidmat dengan lebih jujur dan berdedikasi.

Selain itu, ada juga responden yang menyatakan mereka tidak mampu setia kepada parti yang mereka sokong sejak sekian lama kerana pemimpin baharu untuk parti yang mereka sokong dilihat tidak bersikap amanah dan adil. Secara jelas, ada responden yang menyatakan bahawa isu Dato' Sri Najib berkaitan 1MDB telah merosakkan kepercayaannya kepada Parti Barisan Nasional. Jelasnya lagi, lebih menyedihkan apabila Barisan Nasional masih mencalonkan beliau sebagai Perdana Menteri semasa PRU-14 tempoh hari. Perkara itu dianggap sebagai langkah untuk menyelamatkan kepentingan individu dan ukan negara. Mereka takut mereka dipergunakan untuk menyelamatkan individu yang sememangnya bersalah. Oleh itu, mereka mengambil langkah selamat dengan menyokong parti lawan dalam usaha menjatuhkan individu yang dikatakan bersalah tersebut.

Ada juga responden menyatakan bahawa tidak perlu takut untuk menyokong parti baharu kerana ada banyak kes lompat parti yang berlaku dalam kalangan kepimpinan parti politik itu sendiri. Mereka menyatakan bahawa jika pemimpin yang sudah pasti tahu tentang krisis dalaman sesebuah parti itu sendiri tidak yakin dengan perjuangan parti yang sudah diperjuangkan sejak sekian lama, apatah lagi penyokongnya. Mereka menjelaskan bahawa pengundi mempunyai hak untuk menilai dan menyokong berdasarkan pemerhatian mereka. Katanya, ada penyokong yang menyokong parti kerana perjuangan parti tersebut dan ada juga penyokong yang setia kepada pemimpin yang mereka percayai. Oleh itu, situasi pengundi berpaling tadah apabila muncul parti baharu ini tidak dapat dielakkan sama sekali.

Kesimpulannya, ada responden yang bersetuju dan ada juga yang tidak bersetuju dengan persoalan adakah kepelbagaian parti politik di negara ini tidak akan mengubah pegangan politik atau sokongan responden kepada parti politik asal yang disokong sejak sekian lamanya. Ada antara mereka yang menyangka pertambahan parti politik ini tidak merubah apa-apa dan ada yang berpendapat bahawa tidak salah untuk mengubah sokongan terhadap parti politik ditambah lagi dengan kehadiran beberapa parti baharu. Mereka menjelaskan bahawa ia adalah perkara positif dan pengundi dapat memilih parti yang betul-betul memperjuangkan perkara yang sama dengan pengundi.

## 6. Rumusan dan Cadangan

Kesimpulannya, kajian “Penerimaan Pengundi Melayu Terhadap Kepelbagaian Parti Politik di Kawasan DUN Pekan Nanas, Tanjong Piai, Johor” ini adalah untuk menilai penerimaan pengundi terhadap norma baru dalam bidang politik Malaysia dengan penambahan parti politik di Malaysia. Setelah lebih 60 tahun arena politik negara hanya ditandingi oleh parti dominan, namun pada Pilihan Raya Umum yang ke-14, perubahan dalam perebutan kuasa terhadap sesuatu kawasan berlaku dengan penambahan jumlah parti politik bertanding. Penubuhan dan aktiviti parti politik baharu ini dilihat satu langkah luar jangkaan oleh pengundi di Malaysia khususnya di DUN Pekan Nanas, Johor. Parti politik baharu ini juga telah mengubah pola pengundian di Malaysia kerana berjaya mendapat kepercayaan rakyat sehinggakan gabungan Pakatan Harapan berjaya menawan tampuk kepimpinan negara setelah 62 tahun dikuasai oleh BN. Hal ini secara umumnya adalah disebabkan oleh penglibatan tokoh politik peringkat nasional dalam pertubuhan parti baharu tersebut. Terdapat juga beberapa faktor lain yang mempengaruhi rakyat dalam pemilihan wakil rakyat yang bertanding sama ada personalisasi calon atau matlamat parti yang diwakili tersebut. Justeru, hasil kajian ini diharap dapat dijadikan panduan dan rujukan untuk parti politik untuk menambah baik perkhidmatan dan strategi mahupun matlamat mereka untuk memperoleh sokongan pengundi seterusnya dapat memperkayakan data dan maklumat kajian berkaitan geografi politik dari semasa ke semasa.

## Rujukan

- Abdul Rahman Mohamad. (1994). *Tingkah laku pengundi di kawasan luar bandar: Satu Kajian kes di Tangkak, Johor*. Latihan Ilmiah, Jabatan Geografi, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Anup Phayal. (2016). *Mass fears, strong leaders and the risk of renewed conflict: three essays on post-conflict Elections*. PhD Thesis. University of Kentucky, United State of America.
- Ilona Juulia Kuusi. (2015). *Can Egypt Be Democratized?*. Bachelor’s Thesis. Tallinn University Of Technology, Estonia.
- Iskandar Miza Ahmad. (1998). *UMNO dan Pembangunan di Bahagian Gelang Patah, Johor Darul Takzim*. Jabatan Sains Politik. Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Joanes J., Ahmad Soffian A., Goh X. Z. & Kadir S. (2018). *Persepsi & Logik*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Junaidi Awang Besar. (2019). *Perubahan politik dalam Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14, 2018 di Malaysia*. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*, 15(4), 220-232.
- Junaidi Awang Besar. (2020a). *Analisis geografi politik dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Tanjong Piai, Johor*. *International Journal Of Law, Government And Communication (IJLGC)*, 5(20), 14-56.
- Junaidi Awang Besar. (2020b). *PRU-14 dan pasca PRU-14: Analisis politik di negeri Johor Darul Takzim*. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(5), 81-98.

- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mohd Faiz Mohd Zain. (2011). Pilihan raya kecil kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Tenang, Johor: analisis pola pengundian etnik Cina. *Persidangan Kebangsaan Masyarakat, Ruang Dan Alam Sekitar (MATRA) 2011*. Hotel Vistana, Pulau Pinang. Anjuran Bahagian Geografi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. 16-17 November.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mohd Faiz Mohd Zain. (2012). Analisis pola pengundian etnik Cina dalam Pilihan Raya Kecil Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Tenang, Johor. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*, 8(5), 39-50.
- Junaidi Awang Besar, Nur Ellyanis Mohd Basori & Muhammad Hazim Abdul Ghani. (2020). Prestasi dan penerimaan pengundi terhadap Parti Islam Semalaysia (PAS) dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 di Wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(4), 60-77.
- Larcinese, V. (2003). Political Information, Elections And Public Policy. Thesis of Doctor of Philosophy. The London School of Economics and Political Science, University of London, England.
- Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. (2012a). Pendapat dan keperluan generasi muda di kawasan Parlimen Muar, Johor. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities* 7(1): 50-63.
- Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. (2012b). Persepsi politik dan kepimpinan di kawasan Parlimen (P152) Kluang, Johor. *Geografia Online: Malaysia Journal of Society and Space*, 8(3), 23-32.
- Mohd Izani Mohd Zain & Abdul Razak Ahmad. (2019). Permata Bertukar Pemilik: Cabaran dan Masa Depan Politik Johor Pasca PRUM Ke-14. Dlm. Zulkanain Abdul Rahman, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali (Pnyt). *Pilihan Raya Umum ke-14: Isu dan Cabaran Malaysia Baharu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd. Noor Mat Yazid. (2019). Faktor Sabah, Sarawak dan Johor dalam pembentukan Kerajaan Pusat Malaysia: Analisis Pilihanraya Umum Ke-13 dan Ke-14. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(14)(Mac 2019), 87-96.
- Muhamad Nadzri Mohamed Noor & Jamaie Hj. Hamil. (2018). Politik, pengundi dan faktor Melayu/Bumiputera: analisis terhadap kegagalan Barisan Nasional dalam PRU 2018. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 45(2), 386-408.
- Muhammad Naim Fakhirin, Zulkanain Abdul Rahman & Fatimi Hanafi. (2019). Prestasi UMNO di Kerusi Parlimen Kawasan FELDA, Johor pada PRU-14. Dlm. Zulkanain Abdul Rahman, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali (Pnyt). *Pilihan Raya Umum ke-14: Isu dan Cabaran Malaysia Baharu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ng Mei Mei. (2001). Pola Perlakuan Pengundi: Satu Kajian Kes Di Dewan Undangan Negeri (DUN) Bandar Maharani (N16), Negeri Johor Darul Takzim Pada Pilihan Raya Umum 1995 dan Pilihan Raya Umum 1999. Jabatan Sains Politik. Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Stithorn Thananithichot. (2012). Political engagement and participation of Thai citizens: The rural-urban disparity. *Contemporary Politics*, 18(1), 87-108.
- Suhana Saad, Ali Salman, Novel Lyndon, Selvadurai S, Zaimah R, Azima AM & Mohd Yusof Hussain. (2012). Krisis politik Melayu dan pembinaan negara bangsa. *Geografi Online: Journal of Society & Space*, 8(9), 39-45.